

BAB TIGA

PENERBITAN SIRI PENDIDIKAN JARAK JAUH

3.1 Sejarah Penerbitan Buku Teks di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM

Rancangan Pengajian Luar Kampus pada peringkat awal penawarannya benar-benar diibaratkan seperti anak kecil yang baru lahir, iaitu dalam keadaan serba kekurangan. Bahan-bahan pembelajarannya juga hanya disediakan dalam bentuk nota-nota kuliah dan catatan-catatan pensyarah. Seramai 76 orang pelajar ulung yang mengikuti pengajian ini hanya bergantung kepada nota-nota yang dibekalkan oleh pensyarah di samping membuat rujukan daripada senarai-senarai buku yang terdapat di perpustakaan.

Oleh yang demikian pihak universiti telah mengambil langkah untuk memperbaiki taraf pengajaran dan mutu bahan pengajaran jarak jauh. Salah satu daripada usahanya ialah dengan mengadakan bengkel bagi beberapa orang pensyarah yang terlibat dengan pengajaran jarak jauh ini. Di samping itu satu lagi langkah positif yang diambil ialah dengan meminjamkan beberapa orang pensyarah di pusat-pusat pengajian penuh masa ke pengajian luar kampus agar mereka dapat memberi tumpuan kepada pengajaran pelajar jarak jauh serta memberi tumpuan kepada penulisan modul. Langkah ini telah dimulakan pada tahun 1983.

Pada 10 tahun pertama pengajian ini, tumpuan telah diberikan kepada penyediaan bahan-bahan pengajaran bagi kursus-kursus yang ditawarkan. Nota-nota kuliah yang ditulis dan disusun diedarkan kepada pelajar sebagai bahan pembelajaran asas mereka. Penambahan kursus baru yang ditawarkan dari masa ke semasa memerlukan pensyarah memberi lebih tumpuan kepada penyediaan bahan pengajaran dalam bentuk modul. Usaha mempertingkatkan nota-nota ini dimulakan dengan penulisan bahan-bahan kuliah berbentuk modul sendiri. Modul adalah bahan-bahan bercetak yang mengandungi nota-nota pelajaran yang disusun rapi dan teliti. Penulisan modul ditulis oleh pensyarah-pensyarah yang pakar dalam bidang masing-masing. Modul bukan hanya sekadar nota-nota pelajaran tetapi turut dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang boleh dikendalikan sendiri oleh pelajar. Ia mudah diikuti dan difahami berserta penerangan yang jelas. Bahasa yang digunakan juga bersifat tidak formal dan tidak membosankan. Penulisan yang berbentuk interaktif ini membolehkan pelajar mudah memahami dan merasai bahawa mereka tidak 'bersendirian' mengulang kaji lantaran corak penulisan yang bersifat mesra dan tidak membosankan. Zainal, A.L. *et al* (1985) pula telah menggariskan ciri-ciri modul sebagai :

- terancang
- berperingkat-peringkat
- terbimbing
- kendiri (dikendalikan secara sendiri)
- maklum balas serentak
- mempunyai latihan
- pengarahan yang informal
- tunjuk ajar

'self-pacing'

boleh disertakan dengan beraneka media dan aktiviti seperti,
membuat bacaan yang dipilih/disusun mengikut prioritas
meneliti rajah dan gambar
mendengar rakaman pita audio/kaset/siaran radio
menonton filem/sisipan
membuat sendiri eksperimen/latihan-latihan bagi kursus-kursus
sains.

Jelasnya, modul berbentuk sendiri bermaksud satu bentuk penulisan yang mempunyai gaya interaktif dan bersahaja yang dapat membuatkan pelajar merasa selesa dalam pembelajaran mereka. Pencirian modul berbentuk sendiri telah digariskan oleh tenaga-tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman dalam penyediaan bahan pembelajaran untuk pelajar jarak jauh.

Dalam proses memantapkan penulisan modul, pusat pengajian ini telah bekerjasama dengan beberapa institusi luar negara yang mengamalkan corak pengajian yang sama. Antaranya ialah International Extension Colledge, England, University Deakin and Murdock, Australia dan Open Learning Institute, Canada. Perhubungan dengan institusi-institusi ini telah membuka peluang kepada tenaga pengajar PPLK menimba ilmu daripada mereka khususnya berkaitan dengan penulisan modul. Ini juga merupakan satu strategi yang berkesan ke arah mempertingkatkan mutu penghasilan modul jarak jauh ini. Oleh itu PPLK telah bersedia menghantar pensyarah menjalani kursus penulisan modul di luar negara. Hasil daripada perbincangan dengan institusi-institusi luar negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang penyediaan modul, PPLK

akhirnya memilih Open Learning Institute (OLI) di Vancouver, Canada sebagai tempat para pensyarah menimba ilmu penulisan modul. Namun sebelum itu pihak OLI telah menghantar pegawai mereka untuk berada di PPLK memantau perkembangan PPLK dalam semua aspek. Setelah kedua pihak berpuas hati dengan komitmen masing-masing, program memulakan bengkel bagi pensyarah yang terpilih telah dimulakan pada tahun 1986.


Program yang dijalankan dari tahun 1986-1988 ini adalah satu program di mana pada setiap tahun seramai 7-10 orang pensyarah yang terpilih dihantar selama tiga minggu untuk menjalani kursus intensif penulisan di Open Learning Institute, Canada di samping mereka diberi peluang melihat perkembangan institusi tersebut. Pengalaman yang ditimba di situ dapat digunakan dalam proses mereka menulis modul kelak. Sehingga ke akhir program ini. Seramai 25 orang pensyarah telah diberi pendedahan dan latihan penulisan.

Dengan pengalaman yang diperolehi di luar negara, PPLK telah merangka strategi yang lebih baik untuk menerbitkan modul yang ada. Melalui sokongan yang diberikan oleh Universiti Sains Malaysia, Unit Pengajian Luar Kampus (UPLK) yang telah pun dinaikkan status menjadi Pusat Pengajian Luar Kampus (PPLK) telah menjalin kerjasama dengan Penerbit USM untuk menerbitkan Siri Modul-Edisi Awal. Ia merupakan satu lagi peningkatan yang positif untuk memperbaiki kualiti bahan pembelajaran dengan mendapat sentuhan kepakaran Penerbit USM dalam menghasilkan modul berbentuk buku

teks. Untuk merealisasikan hasrat ini kerjasama semua pihak amat diperlukan. Penulis merupakan aspek penting di mana bermulanya segala projek penerbitan buku. Untuk itu para penulis modul telah digesa untuk mengemaskini bahan modul supaya layak untuk diterbitkan sebagai Siri Modul-Edisi Awal ini.

Sebenarnya untuk menerbitkan sesebuah buku akademik, penulis perlu terlebih dahulu mengetahui akan prosedur penerbitan yang perlu dilalui daripada mula penulisan bahan sehinggalah ia diterbitkan. Pusat pengajian telah menetapkan satu garis panduan bahawa setiap modul itu perlu melalui proses-proses yang telah ditetapkan sebelum sesebuah modul itu layak untuk diterbitkan. Melalui proses yang agak panjang dan memakan masa ini akan memantapkan lagi sesebuah manuskrip. Penilaian, penyuntingan dan penyusunan reka bentuk buku adalah proses-proses yang terpaksa dilalui dan hanya komitmen yang tinggi diberikan oleh semua pihak akan mempercepatkan penerbitan sesebuah manuskrip itu. Prosedur penerbitan yang telah ditetapkan oleh pusat pengajian adalah seperti berikut :

PROSES PENERBITAN EDISI AWAL TERBITAN USM



Proses yang dilalui sememangnya satu proses yang panjang dan memakan masa. Untuk setiap peringkat itu sekurang-kurangnya satu bulan diperuntukkan bagi seseorang itu menangani sesebuah manuskrip. Pemantauan dibuat oleh pengurusan Bahagian Pengeluaran yang akan memastikan tempoh yang diberikan untuk sesuatu semakan dipatuhi setiap satu peringkat. Hanya pada peringkat kedua terakhir iaitu peringkat Penyunting Teknikal yang ditangani oleh seorang Pegawai Penerbitan. Proses-proses penilaian, penyuntingan, perekaan pengajaran kesemuanya ditangani oleh para pensyarah yang dilantik oleh pusat pengajian.

Pada waktu ini bolehlah dikatakan semua pihak memberi tumpuan sepenuhnya kepada penulisan modul dan usaha menerbitkannya. Ini kerana kepentingan penyediaan buku bagi pelajar menjadi keutamaan kerana pelajar jarak jauh yang semakin meningkat bilangannya. Oleh itu semua pihak khususnya di kalangan pensyarah bertanggungjawab menyegerakan apa juga tugas sama ada penulisan, penilaian dan penyuntingan agar bahan-pembelajaran ini dapat digunakan oleh para pelajar mengikut masa.

Penerbit USM yang bertindak sebagai penerbit juga memberikan kerjasama mempercepatkan proses penyediaan Naskhah Sedia Kamera. Sehingga tahun 1989 sejumlah 32 judul telah dapat diterbitan meliputi 27 judul sains, dua kursus ekonomi dan tiga kursus Bahasa Inggeris (Senarai di Lampiran III). Perlu dinyatakan bahawa dalam perjanjian antara penulis dengan

PPLK, modul yang telah siap ditulis diterbitkan menjadi milik PPLK sepenuhnya untuk dicetak, dicetak ulang dan diedarkan kepada pelajar-pelajar jarak jauh.

3.2 Siri Pendidikan Jarak Jauh – Projek Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Pusat Pengajian Luar Kampus (PPLK), Universiti Sains Malaysia

Sebenarnya idea untuk memulakan kerjasama dengan penerbit tempatan adalah satu idea yang sungguh bernas. Menggunakan kepakaran daripada institusi yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang penerbitan akan memberi penghasilan yang cukup baik buat sebuah institusi pendidikan seperti PPLK yang sememangnya memerlukan pengalaman tersebut. Tambahan pula PPLK mempunyai 'bahan' untuk diterbitkan manakala sesebuah penerbit itu sentiasa mencari bahan bagi projek penerbitan mereka. Oleh itu PPLK telah memulakan langkah dengan mengadakan perbincangan awal bersama pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka bagi merealisasikan hasrat universiti dan agenda penting PPLK ini demi kemajuan pelajarannya yang kian bertambah setiap tahun.

Pertemuan pertama sebagai perbincangan awal telah diadakan pada 29 Oktober 1991 apabila Encik Othman Sharif selaku Pegawai Penerbitan di Dewan Bahasa dan Pustaka telah datang ke PPLK dan bertemu dengan pegawai-pegawai pentadbiran PPLK bagi merancang mekanisme penerbitan yang harus dilaksanakan bersama untuk menjayakan projek ini. Perbincangan

pertama ini telah membuahkan hasil yang positif apabila masing-masing menunjukkan keyakinan yang tinggi bahawa projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dalam perbincangan awal, Encik Othman menyatakan bahawa PPLK mempunyai kemampuan infrastruktur khususnya di peringkat aturhurus bagi menangani manuskrip sehingga ke peringkat Naskhah Sedia Kamera (NSK) (Fail Memorandum Persefahaman antara DBP/PPLK,USM).

Pada 6-7 Disember 1991 telah diadakan satu Bengkel Khas di PPLK untuk menjelaskan tentang usaha penerbitan ini serta persiapan dan perancangan yang harus dibuat untuk merealisasikan hasrat ini. Bengkel ini dihadiri oleh semua pensyarah PPLK. Pensyarah yang telah mempunyai buku edisi awal bagi kursus-kursus yang diuruskan masing-masing telah digesa agar mengemaskini bahan pengajaran mereka itu sebelum dapat diterbitkan sebagai Siri Pendidikan Jarak Jauh.

Lanjutan daripada itu, pada 28 Mac 1992 satu sesi perbincangan sekali lagi telah diatur antara para pensyarah selaku penulis modul dengan pegawai-pegawai DBP. Pengisian perbincangan antara kedua pihak ialah berkaitan dengan perancangan yang dibuat serta bagaimana untuk mengatasi permasalahan yang ada. Di pihak pensyarah kebimbangan yang nyata adalah atas kekurangan kefahaman tentang keperluan-keperluan penerbitan khususnya berkaitan dengan aspek-aspek penyuntingan dan reka bentuk buku. Turut dibincangkan ialah kekurangan kepakaran dalam aspek teknikal seperti

kemampuan komputer yang ada untuk membuat reka bentuk dan sebagainya. Pihak DBP menyakinkan semua yang hadir bahawa mereka akan terus memberi sokongan dan menghulurkan bantuan kepakaran khususnya di peringkat aturhuruf dengan cara memberikan latihan intensif kepada mereka yang terlibat.

Meskipun PPLK mempunyai kemampuan fizikal iaitu sebuah bilik komputer dengan 10 buah komputer yang ditangani oleh 10 orang jurutaip dan 3 buah printer namun kebimbangan yang nyata ialah terhadap kepakaran khususnya dalam aspek penyuntingan dan reka bentuk (atur huruf) sesebuah buku. Bagi menangani masalah tersebut, persetujuan telah diambil bahawa DBP harus memberi bimbingan kepada staf PPLK yang terlibat dengan projek ini. Ia merangkumi. Penulis, Penyunting, Editor Pengurus, Jurutaip/Komposer dan Pereka Grafik. Oleh yang demikian DBP dan PPLK telah menyenaraikan siri-siri kursus pemantapan yang diadakan bertujuan untuk menambah kemahiran staf dalam pelbagai aspek penerbitan yang harus diketahui.

Setelah melalui beberapa sesi perbincangan antara kedua-dua pihak akhirnya kesepakatan untuk bekerjasama dipersetujui dengan termeterinya Memorandum Persefahaman antara kedua-dua pihak yang ditandatangani pada 9 Oktober 1992. Perjanjian Persefahaman ini telah diadakan dalam satu majlis di Universiti Sains Malaysia dengan USM diwakili oleh Naib Canselor Tan Sri Musa Mohamad dan DBP diwakili pula oleh Ketua Pengarah DBP, Yg Berbahagia Dato' Hj. Jumat Mohd Noor (Buku Cenderamata Memorandum Persefahaman).

Dengan termeterinya perjanjian ini telah memperjelaskan lagi tanggungjawab yang harus dilaksanakan oleh kedua-dua pihak. Secara terperinci tanggungjawab yang harus digalas oleh PPLK, USM dinyatakan seperti berikut :

PPLK,USM hendaklah bertanggungjawab terhadap hal-hal yang berikut serta menanggung segala kos yang berhubung dengannya, yakni :

- (i) memperoleh manuskrip Karya daripada Pengarang, membuat pembaikan dan pembetulan atau pindaan (jika perlu).
- (ii) memperoleh atau menyediakan ilustrasi yang diperlukan
- (iii) menyerahkan kepada Dewan untuk kerja-kerja penyuntingan dan penandaan
- (iv) menerima kembali manuskrip dari pihak Dewan dan meneruskan kerja-kerja penyediaan Naskhah Sedia Kamera (NSK). Termasuk bahan-bahan berkaitan yang asal termasuk ilustrasi kepada Dewan bagi maksud penerbitan Karya.
- (v) menyerahkan Naskhah Sedia Kamera (NSK).

DENGAN SYARAT BAHAWA dalam menjalankan kerja-kerja yang tersebut PPLK/USM hendaklah menerima pakai Gaya Dewan dalam hal kebahasaan, format dan sebagainya.

Dewan pula harus bertanggungjawab terhadap hal-hal yang berikut serta menanggung segala kos yang berhubung dengannya, yakni:

- (i) menjalankan kerja-kerja penyuntingan dan penandaan ke atas manuskrip dan setelah siap dikembalikan kepada PPLK untuk penyediaan Naskhah Sedia Kamera. PPLK kemudiannya akan mengembalikan NSK kepada Dewan.
- (ii) mencetak Karya yang hendak diterbitkan termasuk kulit buku
- (iii) menjilid naskhah-naskhah Karya yang bercetak
- (iv) menguruskan pembayaran royalti kepada Pengarang

DENGAN SYARAT BAHAWA Dewan mempunyai kuasa untuk membuat segala keputusan dan penentuan berkaitan dengan jenis kertas cetak, dakwat dan proses percetakan dan penjilidan.

(Surat Perjanjian Memorandum Persefahaman antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Universiti Sains Malaysia).


Dengan termeterinya perjanjian ini maka semua pihak telah jelas dengan tanggungjawab masing-masing. Siri-siri bengkel pemantapan telah dimulakan melibatkan staf di pelbagai kategori yang terlibat secara langsung dengan projek

ini. Di samping itu satu jadual perancangan penerbitan telah dibuat dengan menyenaraikan judul-judul yang berpotensi untuk diterbitkan.

Di samping itu, pihak pentadbiran PPPJJ telah mengeluarkan memorandum agar semua penulis edisi awal yang ingin menerbitkan buku mereka dalam bentuk Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama DBP, mengemaskini buku mereka dalam pelbagai aspek termasuk mengemukakan bahan-bahan terkini dalam penulisan mereka. Buku-buku yang telah dikemaskini tersebut kemudiannya akan melalui proses yang sama sebelum sesebuah buku itu diterbitkan iaitu bermula daripada peringkat penilaian sehingga kepada peringkat akhir iaitu penyediaan NSK sebelum diserahkan kepada DBP untuk proses cetakan.

Seperti juga penerbitan Siri Modul-Edisi Awal, penerbitan bersama DBP juga melalui beberapa proses penerbitan sebelum sesebuah buku itu dapat diterbitkan. Pihak DBP telah menyediakan satu prosedur yang tidak jauh bezanya daripada proses yang telah dilalui oleh penerbitan edisi awal. Prosesnya adalah seperti berikut :

PROSES PENERBITAN SIRI PENDIDIKAN JARAK JAUH BERSAMA DBP



Bagi Siri Modul-Edisi Awal yang akan diterbitkan, proses yang sama tetap juga akan dilalui. Ini kerana terlalu banyak perubahan dan penambahbaikan patut dilakukan sebelum ia diterbitkan sebagai Siri Pendidikan Jarak Jauh.

Pada 3-9 Disember 1992, telah diadakan bengkel penerbitan untuk penyunting, jurutaip, dan pereka grafik. Bengkel ini melibatkan 14 orang jurutaip (Pembantu Tadbir Rendah) seorang Penolong Pegawai Pereka dan seorang Penyunting Teknikal. Ia dikendalikan oleh dua orang pegawai DBP iaitu En. Othman Sharif dan En Amran Joned. Penekanan bengkel adalah ke atas teknik dan mutu penerbitan dan penyediaan manuskrip ke peringkat NSK. Hasil daripada bengkel ini mendapati bahawa PPLK mampu menyediakan teks padat ke peringkat NSK namun bagi teks teknikal beberapa perisian komputer perlu ditambah.

Seterusnya pada 21-31 Disember 1992, tiga orang jurutaip PPLK dihantar menjalani kursus selama 10 hari di Bahagian Penerbitan DBP. Ketiga-tiga mereka ialah Pn. Jamilah Jamaluddin, Pn. Azizah Abu Hassan dan Cik Norita Nayan. Mereka diberi pendedahan tentang penerbitan mengikut Gaya Dewan serta meninjau komputer yang digunakan di DBP dan syarikat-syarikat atur huruf yang menjalankan kerja-kerja Dewan.

Di samping itu, memandangkan projek ini merupakan pengalaman baru bagi kedua-dua pihak khususnya PPLK maka persetujuan bersama telah dicapai

aitu DBP akan menangani 10 buah manuskrip sehingga dapat diterbitkan. 10

Manuskrip yang dinaksudkan ialah :

- (i) *Pengenalan Siri Drama* - Zainal Abd Latiff
- (ii) *Seni Lakon Timur*- Zainal Abd Latif
- (iii) *Institusi Kewangan di Malaysia* - Cheah Kooi Guan
- (iv) *Pengantar Sejarah* - Abdul Rahman Abdullah
- (v) *Statistik Permulaan* - Kuan Kee Sin
- (vi) *Kimia Organik Pra Universiti* - Ab Rasit Mat Zin
- (vii) *Had dan Keselajaran* - Lim Eng Bin
- (viii) *Pembezaan* - Lim Eng Bin
- (ix) *Matriks dan Penentu* - Leong Fook
- (x) *Ilmu Mekanik* - Chong Chon Sin

Penyerahan 10 judul ini terpaksa dilakukan memandangkan PPLK masih belum mempunyai pengalaman yang mantap dan berkeupayaan untuk menangani manuskrip daripada peringkat awal hingga diterbitkan. Sememangnya terlalu banyak aspek penerbitan yang harus diterokai oleh staf PPLK ke arah penyediaan manuskrip hingga ke peringkat NSK. Oleh yang demikian beberapa perancangan untuk mengadakan siri bengkel telah diteruskan. Kali ini tumpuan diberikan pula kepada kumpulan akademik yang merupakan aset penting bagi penyediaan manuskrip.

Dalam projek penerbitan ini, penyunting dilantik daripada kalangan pensyarah. Mereka akan dilantik mengikut kepakaran masing-masing sesuai dengan bidang manuskrip yang akan ditangani. Oleh itu DBP telah menyediakan sesi bengkel untuk mereka. Ia dimulakan dengan Bengkel Penyuntingan untuk pensyarah sastera yang diadakan pada 8-11 Mac 1993. Sebagai penulis modul sastera, penekanan diberikan kepada penyediaan dan penyuntingan manuskrip yang merupakan teks padat. Para pensyarah juga turut diberi penjelasan tentang aspek-aspek reka bentuk sesebuah buku serta bagaimana mereka harus memainkan peranan bagi mempercepatkan proses penerbitan.

Pada 31 Mac - 17 April 93, Pegawai Penerbitan PPLK iaitu penulis sendiri telah dihantar berkursus selama hampir tiga minggu bagi memikul tanggungjawab sebagai penyelaras projek atau lebih dikenali sebagai Editor Pengurus. Sepanjang berada di DBP, penulis telah diberi pendedahan kepada tugas-tugas sebagai seseorang Editor Pengurus dan bagaimana ia harus mengendalikan sesuatu projek di setiap peringkat penerbitan. Tugas seorang Editor Pengurus bukan sahaja sekadar menangani manuskrip malah menghadapi pelbagai karenah tenaga-tenaga kerja yang terlibat dalam proses penerbitan ini.

Pada 12 – 14 Januari 1994, En Othman Shariff telah sekali lagi hadir di PPLK untuk perbincangan selanjutnya serta melihat hasil mekap buku yang telah diusahakan oleh jurutaip PPLK. Pada ketika ini juga PPLK telahpun membeli

empat buah Maccintosh, sebuah scanner dan dua buah printer 600 d.p.i. En Othman telah berpuas hati melihat hasil mekap yang memenuhi kriteria buku Gaya Dewan seperti yang diinginkan.

Sesi bengkel seterusnya diadakan pula untuk pensyarah-pensyarah Sains iaitu pada 10-13 Mei 1993. Untuk mereka ini penekanan yang telah diberikan ialah ke atas aspek bahasa, penyuntingan dan penandaan sesebuah manuskrip teknikal. Pada ketika ini juga perisian komputer bagi menangani manuskrip teknikal seperti *Mathtype* telah dimasukkan. Sewaktu bengkel, perisian ini digunakan khususnya menangani teks matematik dan sains.

Bagi melengkapkan lagi kemahiran jurutaip menangani manuskrip hingga ke peringkat NSK, PPLK telah menjemput Pn Maznah Ariffin dari Syarikat Sooners Enterprise iaitu sebuah syarikat atur huruf yang biasa menjalankan kerja-kerja aturhuruf untuk buku-buku DBP. Bengkel satu hari ini telah memberi tumpuan kepada penyediaan teks padat untuk buku bersaiz 5 ½ X 8 ½ inci dan 6 ½ X 9 ½ inci. Pn Maznah turut meninjau kemampuan 10 buah komputer yang terdapat di dalam bilik ini. Cadangan yang telah beliau berikan ialah:

- (i) Untuk komputer Mac Plus - memory ditingkatkan kepada maksimum 10 *megabyte*.

- (ii) Untuk setiap komputer ditambah *Accelerator Card* bagi mempercepatkan kerja.
- (iii) Untuk setiap Mac Plus, Pagemaker 2 ditingkatkan kepada Magemaker 3.

PPLK telah mengambil kira setiap cadangan yang diberikan dan telah mengambil tindakan sewajarnya.

Bengkel satu hari bersama Puan Maznah telah diadakan sekali lagi pada 9 Jun 1993. Pada ketika ini kesemua 10 jurutaip telah memiliki manuskrip setiap seorang untuk penyediaan NSK. Puan Maznah telah menjalankan bengkel secara '*on job training*' dengan tumpuan diberikan kepada penaipan dan mekap teks padat.

Di samping tumpuan diberikan di peringkat atur huruf, para pensyarah juga turut diberi perhatian khususnya dalam aspek membuat penandaan manuskrip, menyemak serta memahami keperluan-keperluan manuskrip di tahap NSK. Pada 5-9 Oktober 1993 para pensyarah sekali lagi diberi peluang menjalani bengkel berasaskan *on job training* di mana setiap pensyarah yang menangani manuskrip dikehendaki menyiapkan manuskrip di peringkat NSK sekurang-kurangnya satu pelajaran. Bengkel ini sekali lagi memberi pengalaman kepada pensyarah memahami bagaimana sesebuah manuskrip ditangani sehingga ke peringkat NSK serta memahami masalah-masalah yang ada.

Pada 27-29 April 94, Puan Maznah Ariffin sekali lagi dipanggil untuk mengendalikan Bengkel Aturhuruf Gaya Dewan khusus untuk jurutaip memahirkan diri mereka menggunakan perisian *Pagemaker*, iaitu perisian yang dipilih untuk membuat reka bentuk buku. Di samping itu aspek-aspek yang turut diajar ialah cara-cara mengimport data dari perisian *word* ke *pagemaker*, cara-cara memberikan saiz font, memilih mukataip dan memilih jarak dan tidak ketinggalan cara memasukkan gambar pada teks dalam *pagemaker* dengan menggunakan *text wrap*.

Jika diteliti pada keseluruhan kita akan dapat menilai bahawa bukannya satu tugas yang mudah untuk melalui proses penerbitan daripada peringkat awal lagi. Masa yang agak panjang telah diambil oleh PPLK dan DBP untuk meningkatkan kemahiran kepada staf dalam pelbagai aspek penerbitan. Namun pegawai-pegawai DBP telah jelas mempamerkan komitmen yang tinggi melaksanakan usaha ini demi memastikan kejayaan projek ini.

3.3 Majlis Pelancaran Buku Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama DBP

Pada 15 Julai 1994, telah diadakan Majlis Pelancaran buku Siri Pendidikan Jarak Jauh hasil kerjasama kedua-dua institusi ini. Tentu sekali kedua-dua pihak merasa gembira dengan kejayaan pertama ini. Setelah melalui pelbagai cabaran akhirnya projek ini telah menampakkan hasil yang memberansangkan. Sejumlah 12 buku telah dapat diterbitkan iaitu yang berjudul berikut :

- (1) *Institusi-Institusi Kewangan di Malaysia* oleh Cheah Kooi Guan
- (2) *Pengantar Ilmu Sejarah* oleh Abd. Rahman Hj. Abdullah
- (3) *Ilmu Mekanik 1* oleh Chong Chon Sing
- (4) *Kimia Organik Pra Universiti* oleh Ab. Rasit Mat Zin
- (5) *Pembezaan* oleh Lim Eng Bin
- (6) *Matriks dan Penentu* oleh Leong Fook
- (7) *Pengantar Sains Politik* oleh Syed Ahmad Hussain
- (8) *Jujukan* oleh Lim Eng Bin
- (9) *Kemagnetan* oleh Fun Hoong Kun
- (10) *A Guide to Letter Writing for Specific Purpose* oleh Rose Tunku Ismail
- (11) *Statistik Permulaan* oleh Kuan Kee Sin
- (12) *Had dan Keselajaran* oleh Lim Eng Bin

Kejayaan menerbitkan 12 buku ini merupakan satu petanda yang baik membuktikan bahawa jalinan kerjasama telah dapat diwujudkan. Namun usaha perlu digiatkan lagi agar pada masa akan datang lebih banyak judul dapat diterbitkan. Ketua Pengarah DBP dalam kata alu-aluannya berkata,

Buku Siri Pendidikan Jarak Jauh ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana buku-buku itu adalah cantuman dua buah institusi yang berperanan besar dalam dunia pendidikan negara. Buku-buku ini mengekalkan format pembelajaran secara sendiri dan interaktif iaitu satu ciri istimewa dalam pendidikan secara jarak jauh. Siri-ini bukan saja boleh digunakan oleh pelajar luar kampus tetapi boleh juga dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar lain di institusi pengajian yang tinggi yang lain.

Naib Canselor USM, Tan Sri Dato' Hj Musa Mohamad dalam kata alu-aluannya berkata,

Siri Pendidikan Jarak Jauh ini merupakan satu lagi wadah untuk memantapkan proses pendidikan jarak jauh dan seterusnya membuktikan peranan USM yang lebih besar dalam membentuk masyarakat berilmu. Ini ternyata selaras dengan objektif negara untuk mencapai wawasan 2020.

(Buku Cenderamata Majlis Pelancaran Buku DBP/PPLK, USM)

Sememangnya penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh kerjasama kedua-dua institusi ini telah membuka lembaran baru bagi PPLK. Bukan saja ia dapat mempertingkatkan nilai siri buku ini tetapi juga menambah pengetahuan kepada sebilangan besar staf PPLK untuk mengetahui dunia penerbitan buku dan proses-proses yang dilaluinya.

Sehingga ke akhir projek, sejumlah 20 judul telah dapat dihasilkan. Walaupun jumlah ini dikira kecil namun ia memadai sebagai permulaan. Pengetahuan yang berharga ditinggalkan oleh DBP adalah lebih bermakna. Namun* untuk menambah bilangan buku yang dapat diterbitkan, PPLK harus mencari alternatif lain berbekalkan asas penerbitan serta prasana yang telah dihasilkan melalui projek penerbitan bersama ini.

3.4 Penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Utusan Publications & Distributors (UP&D)

Projek Penerbitan Bersama DBP/PPLK, USM tamat pada Oktober 1997. Namun begitu perhubungan antara keduanya berterusan kerana buku-buku yang telah diterbitkan masih terus menjadi teks wajib kepada pelajar jarak jauh. Pusat Pengajian Luar Kampus (PPLK) yang pada ketika itu telah dinaikkan taraf kepada Pusat Pendidikan Jarak Jauh (PPJJ-pertukaran nama berlaku pada tahun 1994) akan terus membuat pesanan buku teks berkenaan mengikut keperluan setiap tahun.

Penerbitan sejumlah 20 judul sebenarnya adalah satu jumlah yang kecil berbanding bilangan modul yang boleh di pertingkatkan oleh penulis untuk diterbitkan. Untuk meneruskan kesinambungan penerbitan bersama penerbit tempatan, PPPJJ telah menghubungi beberapa buah penerbit untuk perbincangan awal sekitar tahun 1998. Namun antara ramai yang dihubungi hanya satu yang menunjukkan minat yang mendalam serta berminat untuk melaksanakan hasrat PPPJJ itu. Penerbit itu ialah Utusan Publications & Distributors (UP&D). Minat itu ditunjukkan melalui perjumpaan pertama pada bulan Ogos 1998 antara pegawai UP&D dengan pegawai-pegawai pentadbiran PPPJJ. Selepas beberapa pertemuan, persetujuan dan perancangan pun dilakukan melalui mekanisme yang tidak jauh bezanya dengan projek penerbitan bersama yang dijalankan terdahulu.


Butir-butir perjanjian telah diperincikan sebelum memorandum persetujuan ditandatangani. Secara ringkasnya fakta-fakta penting dalam perjanjian kerjasama kedua-dua pihak ialah :

- (i) Tanggungjawab PPPJJ ialah dalam menyediakan manuskrip hingga ke peringkat NSK dengan menanggung kos-kos yang terlibat seperti penaipan, penyediaan grafik, mekap, penilaian akademik.
 - (ii) Tanggungjawab Utusan ialah menerbitkan manuskrip dengan menanggung kos-kos percetakan dan membuat bayaran royalti kepada penulis.
 - (iii) Utusan juga akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam soal pemasaran dan jualan.
 - (iv) Utusan juga akan membuat pembayaran kepada editor (masih di kalangan pensyarah) yang dilantik atas persetujuan pengurusan PPPJJ.
 - (v) Hakcipta akan dipegang secara bersama PPPJJ dan Utusan.
 - (vi) PPPJJ akan membuat pesanan pertama sebanyak 500 naskhah.
- * Pesanan berikut adalah mengikut keperluan.

Penerbitan siri ini masih melalui prosedur yang sama meskipun diterbitkan dengan kerjasama penerbit yang lain.. Perlu dinyatakan tiap modul yang 'lulus' untuk diterbitkan semestinya telah disahkan oleh Jawatan Kuasa Teknologi Pendidikan iaitu satu jawatankuasa yang ditubuhkan di PPPJJ untuk memantau

keseluruhan penerbitan bahan-bahan pembelajaran di sini. Ia merangkumi bukan saja bahan pembelajaran dalam bentuk cetakan tetapi juga bahan-bahan multimedia seperti video, cakera padat dan juga telesidang. Berkaitan dengan buku pula ahli jawatankuasa inilah yang akan menentukan sama ada sesuatu modul itu telah boleh diterbitkan atau tidak. Ahli Jawatan kuasa Teknologi Pendidikan dipilih oleh Senat Pusat Pengajian yang dianggotai oleh semua staf akademik dan pegawai-pegawai pentadbiran PPPJJ. Keanggotaan Jawatankuasa Teknologi Pendidikan pula ialah semua pegawai pentadbiran PPPJJ, semua Pengerusi-pengerusi Rancangan dan enam staf akademik yang dilantik oleh Majlis Senat PPPJJ. Prosedur penerbitan modul yang diwajibkan bagi semua modul yang akan diterbitkan adalah seperti berikut :

PROSES PENERBITAN SIRI PENDIDIKAN JARAK JAUH



Istimewanya projek kali ini ialah staf PPPJJ khususnya penulis, editor dan jurutaip masing-masing telah tahu peranan masing-masing. Pengalaman

yang diperolehi sebelum ini telah cukup untuk meneruskan tugas yang perlu dilakukan bagi menyediakan sesebuah manuskrip hingga ke peringkat NSK. Namun kali ini pihak pengurusan PPPJJ ingin membuat satu perubahan mengenai saiz buku Siri Pendidikan Jarak Jauh ini. Kali ini saiz yang lebih besar dipilih iaitu 8X10 inci. Saiz yang dipilih ini telah dipersetujui oleh ahli Jawatankuasa Teknologi Pendidikan dan turut dipersetujui oleh pihak Utusan melalui satu perbincangan khusus mengenai saiz buku.

Sebenarnya pada ketika ini PPPJJ telahpun mempunyai 8 judul yang telah sedia untuk diterbitkan. Judul-judul ini telah melepasi tahap pengesahan dan telah diluluskan untuk diterbitkan. Setelah persoalan saiz buku ditentukan proses penyuntingan dan mekap buku telah boleh diteruskan. Proses penyuntingan, penaipan, pembetulan, penyemakan serta penyediaan NSK sememangnya memakan masa lantaran semua pihak yang terlibat juga mempunyai tugas masing-masing seperti terlibat dengan pengajaran, penyediaan bahan multimedia yang lain dan tugas-tugas pentadbiran yang lain. Namun komitmen harus diberikan kerana pusat pengajian mempunyai sasaran masa untuk sesebuah buku itu perlu diterbitkan, kerana buku-buku tersebut perlu diedarkan kepada pelajar sekitar bulan Mei atau Jun iaitu sebaik saja sidang akademik bermula.

Satu lagi keunikan dengan projek penerbitan bersama Utusan Publications ialah perjanjian usahasama tidak ditandatangani lebih awal. Kedua-dua pihak

telah bersetuju untuk menjalankan tugas terlebih dulu kerana mekanisma kerja adalah sama dengan penerbitan bersama DBP. PPPJJ akan meneruskan tugas penyediaan NSK dan pihak Utusan akan menguruskan percetakan, membayar royalti dan menguruskan pemasaran.

3.5 Majlis Pelancaran Buku Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Utusan

Bermula daripada bulan Ogos 1998, tumpuan telah diberikan bukan saja kepada penyediaan NSK malah turut diberi kepada penyediaan Surat Perjanjian antara kedua pihak dan urusan menetapkan tarikh perjanjian akan ditandatangani. Setelah berbincang, pentadbiran PPPJJ telah bersetuju untuk mengadakan Majlis Pelancaran Buku dan Menandatangani Perjanjian Bersama akan diadakan pada 8 September 1999 sempena Bengkel Pendidikan Jarak Jauh yang diadakan pada tarikh 8-10 September 1999. Bengkel kali ini diadakan di Berjaya Georgetown Hotel, Pulau Pinang dengan membawa tema "Pengekalan Kualiti Dalam Pendidikan Jarak Jauh".

Oleh itu segala persiapan khususnya memastikan bahawa buku-buku yang tersenarai di dalam buku cenderamata untuk majlis perasmian nanti akan dapat diterbitkan. Ini kerana selain daripada berbengkel, satu pameran tentang buku-buku yang telah diterbitkan oleh PPPJJ akan turut diadakan.

Pada 8 september 1999 telah berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan antara Universiti Sains Malaysia dan Utusan Publications & Distributors. Selari dengan itu diadakan juga Majlis Pelancaran Buku-Buku Siri Pendidikan Jarak Jauh berjumlah lapan judul iaitu :

- (1) *Pendidikan Jarak Jauh* oleh Md Noor Saleh
- (2) *Kejuruteraan Air Sisa* oleh Hamidi Abdul Aziz
- (3) *Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih* oleh Mustafa Mohd Isa
- (4) *Analisis Rangkaian – Sistem Kuasa Elektrik Moden* oleh Marizan Sulaiman
- (5) *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam* oleh Mustafa Mohd Isa
- (6) *Teknologi Elektrik* oleh Analisis Litar oleh Syed Idris Syed Hassan
- (7) *Kejuruteraan Air Sisa* oleh Kualiti Air dan Air Sisa oleh Hamidi Abdul Aziz
- (8) *A Guide to Listening for Specific Purpose* oleh Rose Tunku Ismail

Jika diteliti daripada tarikh persetujuan cadangan kerjasama antara pihak Utusan dan PPPJJ dengan tarikh Majlis Menandatangani Perjanjian Persetujuan dan Majlis Pelancaran, didapati tempoh yang diambil adalah kira-kira setahun. Berbanding Perjanjian dengan DBP yang memakan masa dua tahun untuk majlis pelancaran buku yang telah dapat disiapkan. Ini bermakna ketika bekerjasama dengan Utusan dan dengan mekanisme yang sama dengan perjanjian terdahulu, PPPJJ telah dapat mempercepatkan proses penerbitan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh ini bagi kegunaan pelajarnya.

Perlu dinyatakan penerbitan bersama Utusan tidak mempunyai tempoh tamat perjanjian. Ini bermaksud pihak Utusan akan terus menerbitkan siri ini selagi PPPJJ menghantar manuskrip untuk diterbitkan. Pihak Utusan juga tidak menetapkan jumlah buku harus diterbitkan setiap tahun kerana semuanya bergantung pada keupayaan PPPJJ menyediakan manuskrip yang mantap untuk diterbitkan.

3.6 Penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Penerbit Universiti Sains Malaysia

Cadangan untuk menerbitkan siri ini bersama Penerbit USM telah disarankan oleh Naib Canselor USM dalam satu majlis pelancaran buku anjuran Penerbit USM. Dalam majlis yang diadakan pada 8 November 2001 sempena pelancaran 17 judul karya asal dan terjemahan penerbitan ilmiah Universiti Sains Malaysia, Yg Berbahagia Profesor Dato' Dzulkifli Abdul Razak telah mencadangkan agar Penerbit USM terus berusaha untuk mempertingkatkan penerbitan buku ilmiah dari masa ke semasa sebagai satu sumbangan ilmu kepada masyarakat. Menurut Dato' Dzulkifli lagi salah satu daripada caranya ialah dengan menerbitkan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh yang diketahui sangat aktif diterbitkan oleh PPPJJ dengan program kerjasama dengan penerbit tempatan (teks ucapan Naib Canselor, USM).

Namun yang demikian, hasrat universiti itu tidak dapat terus dilaksanakan oleh Penerbit USM lantaran PPPJJ masih lagi terikat dengan perjanjian

penerbitan bersama dengan penerbit tempatan. Namun begitu PPPJJ juga telah sedia maklum dan bertanggungjawab untuk melaksanakan akan hasrat universiti itu.

Sebagai langkah permulaan, PPPJJ telah mengadakan pertemuan dengan pihak Penerbit USM untuk melihat bagaimana penerbitan bersama ini dapat dilaksanakan. Perbincangan yang diadakan pada awal tahun 2003 banyak berkisar kepada bagaimana pelaksanaan kerja kedua-dua pihak dapat dijalankan. Penerbit USM yang diwakili oleh Ketua Pegawai Penerbitan, En Akhbar Saleh dan Pegawai Penerbitan Pn A'watif Ahmad telah diberi penerangan tentang pelaksanaan penerbitan PPPJJ bersama Utusan Publications & Distributors.

Satu aspek penting yang dibincangkan ialah tentang kos penerbitan yang kesannya akan ketara semasa penetapan harga buku kelak. Perbincangan telah dimaklumi bahawa harga buku bagi buku-buku yang terbit sebelum ini agak mahal lantaran kos pengeluarannya khususnya kos pracetak dan kos percetakan yang tinggi. Namun pihak Penerbit USM telah memberi jaminan bahawa perkara tersebut tidak seharusnya menjadi permasalahan besar di atas konsep kerjasama kedua-dua pihak dan juga penerbitan universiti yang tidak bermotifkan keuntungan. Pada akhir perbincangan serta beberapa siri perbincangan seterusnya pelaksanaan penerbitan kedua-dua pihak telah dirancang. Penerbit USM juga bersetuju bahawa PPPJJ bertanggungjawab terhadap penyediaan

NSK dan menerima apa saja keputusan PPPJJ berkait dengan saiz dan reka bentuk teks siri ini.

Sebagai langkah awal, PPPJJ telah menangani dua buah modul dan diserahkan kepada Penerbit untuk proses penerbitan seterusnya. Pada tahun 2004, Penerbit USM telah pun menerbitkannya iaitu :

(1) *Kajian Perbandingan Anatomi Vertebrata* oleh Ibrahim Jaafar

(2) *Biostatistik* oleh Chan Lai Keng dan Kam Suan Peng

Penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Penerbit USM dikira baru bermula dan PPPJJ masih lagi membuat pengkajian tentang beberapa aspek khususnya berkaitan dengan kemampuan Penerbit USM menerbitkan mengikut masa yang ditetapkan oleh PPPJJ.

3.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kita telah dapat melihat bagaimana PPPJJ melalui peringkat demi peringkat untuk menjayakan program penerbitan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh bagi kegunaan pelajarannya. Meskipun usahanya pada peringkat awal menerima cabaran akibat daripada kekurangan pengalaman dalam penyediaan Naskah Sedia Kamera seperti yang dikehendaki oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, namun dengan berkat kesungguhan yang ada pada semua

yang terlibat dalam projek ini, halangan tersebut telah dapat di atasi. Pihak PPPJJ juga amat menghargai sumbangan tenaga dan kepakaran yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai DBP. Dengan ilmu yang telah diberikan itu membuka jalan bagi PPPJJ mengorak langkah seterusnya bergiat cergas dalam penerbitan buku teks ini. Pelajar juga telah mendapat bahan pembelajaran yang lebih berkualiti tinggi sesuai dengan tahap pengajian tinggi yang sedang mereka ikuti.